

# Malaysia paling aktif bantu Palestin — Duta

Oleh YUSRI SAHAT

UM 12 MAY 2002

KUALA LUMPUR 11 Mei — Palestin meletakkan Malaysia sebagai negara paling aktif dalam memberikan sokongan terhadap perjuangan rakyatnya menentang kezaliman Israel berbanding negara-negara dalam Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) yang lain.

Duta Besar Palestin ke Malaysia, Ahmad Al-Farah berkata, walaupun Malaysia sebuah negara kecil tetapi ia merupakan negara paling besar memberikan sumbangan kepada rakyat negaranya.

Sehubungan itu, kata beliau, negara-negara Islam lain perlu mencontohi Malaysia yang bersungguh-sungguh memainkan peranannya dalam memberikan sokongan di peringkat antarabangsa.

“Sokongan rakyat Malaysia begitu unik kerana turut melibatkan golongan bukan Islam.

“Kami begitu terharu dengan sokongan tidak berbelah bahagi rakyat Malaysia terhadap perjuangan Palestin,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada Perhimpunan Persahabatan Malaysia-Palestin anjuran Persatuan Persahabatan dan Setiakawan Malaysia-Palestin (PPSMP) di Lembah Keramat di sini hari ini.

Ahmad seterusnya memuji usaha-usaha yang ditunjukkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad dalam menangani isu Palestin.

Beliau bersetuju dengan pandangan Dr. Mahathir bahawa penyelesaian konflik di Asia Barat perlu ditangani menerusi kebijaksanaan, bukannya melalui senjata.

“Kita tahu Israel begitu kuat kerana mendapat sokongan daripada Amerika Syarikat,” jelasnya.

Beliau juga berharap pertemuan antara Dr. Mahathir dengan Presiden Amerika Syarikat, George W. Bush pada 13 hingga

15 Mei ini akan memberikan hasil positif terhadap usaha-usaha damai di Asia Barat.

Ahmad mengaku perpecahan di kalangan masyarakat Arab merupakan faktor utama Israel boleh bermaharajalela di bumi Palestin.

Oleh itu, tegasnya, umat Islam di seluruh dunia perlu bersatu menentang kezaliman yang dilakukan oleh Israel yang mempunyai bilangan penduduk yang jauh lebih sedikit berbanding bangsa Arab.

Sementara itu, perhimpunan tersebut meluluskan satu deklarası yang mengisytiharkan Israel sebagai negara pegganas manakala Perdana Menteri, Ariel Sharon dilabelkan pegganas nombor satu dunia.

Deklarasi itu juga menuntut satu persidangan pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan diadakan di peringkat Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) bagi membincangkan konflik di Asia Barat.